

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 14–Zulkaedah 1370–September 1951–60sen

APA ADA DI KELANTAN?

Berpuluh-puluh lebih surat datang ke meja kita yang mengatakan bahawa Naib Yang di-Pertua Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan, A Mahmud Muhyiddin yang dahulunya dengan nama Tengku Mahmud Muhyiddin yang dikatakan, menurut tulisan-tulisan surat-surat yang kita terima itu, telah dengan kemahuannya sendiri mengeluarkan wang sebanyak \$30,000 dimasukkan ke dalam saving bank dengan tujuan supaya mendapat faedahnya dan dikatakan juga, menurut surat-surat yang kita terima ia dengan kemahuannya sendiri telah mengeluarkan untuk dibelikan kepada “Premium Bond” yang sifat-sifatnya bolehlah dikatakan dengan tepatnya sebagai loteri yang diharamkan itak menurut nas Al-Quran sebagai judi.

Jika benar kenyataan-kenyataan yang tersebut itu maka yang demikian ini adalah daripada perkara-perkara yang sangat-sangat mendukacitakan yang di dalamnya dengan sifatnya sebagai Naib Yang di-Pertua telah menggunakan atau telah mentadbirkan hak umum yang di dalamnya ada suatu pertubuhan perwakilan yang mesti dibawa berunding untuk mentadbirkan hak dan milik yang bolehlah disifatkan hak orang ramai.

Jika sekiranya hal ini dilakukannya tidak membabit perkara-perkara yang bersabit dengan agama seperti anjurannya di dalam perkara-perkara yang lain umpamanya dengan sifatnya sebagai di-Pertua umno bahagian Kelantan bercenderung mengadakan loteri bagi mendirikan rumah pertubuhannya itu, tidaklah kita dengan sifat sebagai majalah yang berdasarkan Islam akan berkata apa-apa tetapi nampaknya langkah-langkahnya telah melebihi daripada batas agama dan peraturan-peraturan yang didasarkan kepada

permesyuaratan dalam mentadbirkan sesuatu perkara yang mengenai kedudukan dan hal ehwal agama Islam.

Di dalam petua-petua yang kita dapat bahawa tidak ada sesuatu perkara yang mengharuskan mengambil faedah (bunga) daripada wang walaupun wang itu keluarnya dari diri seseorang apa lagi wang umum sebagaimana wang Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan itu.

Menurut kenyataan yang kita dapat bahawa pertubuhan itu telah menetapkan bahawa tiap-tiap sesuatu langkah wajiblah dimesyuaratkan lebih dahulu dan setelah bulat kata didapati maka kemudian disembahkan kepada Sultan bagi persetujuannya dan apabila disetujui baru dijalankan tetapi apa yang telah dibuat oleh Al-Mahmud Muhyi Al-Din itu, daripada kenyataan-kenyataan yang kita terima, adalah menyalahi daripada peraturan-peraturan yang tersebut bahkan menyalahi juga daripada peraturan-peraturan yang biasa dijalankan – yang bermakna membuat pekerjaan dengan kesukaan dan kemahuannya sendiri.

Selain daripada itu, sepanjang yang kita ketahui adanya Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan itu ditubuhkan adalah bertujuan kerana mendiri dan menguangkan syiar agama Islam. Dengan langkah-langkahnya itu maka sudah terang berlawanan dengan dasar itu yang menjadikan orang ramai boleh bertanya – “Adakah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan itu telah menghalalkan riba?” Inilah akibatnya langkahnya yang menjadikan orang umum akan syak kepada langkah Majlis Agama dengan kerana perbuatan seorang yang harus, tidak cukup menerima nasihat-nasihat tentang perkara-perkara yang berkenaan hal ehwal agama Islam.

Perkara yang tersebut ini kita berharap akan mendapat perhatian oleh Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dan Menteri Besarnya dan hendaklah perkara ini diselidiki dengan saksama supaya jangan nanti lolos jarum, lolos kelindan dan jangan pula kelak akan berlaku lagi perkara-perkara menggunakan wang-wang agama itu kepada bukan tempatnya yang harus, jika cuai, boleh jadi kelak wang-wang agama itu akan digunakan untuk membuka taman hiburan atau lain-lainnya yang di dalamnya boleh mendapat faedah walaupun faedah itu

BUNGA RAJAH PERFUME

**YANG MENAWAN HATI
AIR WANGI BUNGA RAJA**

A black and white advertisement for Bunga Rajah Perfume. At the top, the brand name 'BUNGA RAJAH PERFUME' is written in large, bold, capital letters. Below it, the slogan 'YANG MENAWAN HATI AIR WANGI BUNGA RAJA' is displayed. To the left of the slogan is a rectangular inset containing a bottle of perfume with a label that includes the text '木香王花' (Bunga Wang) and 'BUNGA RAJAH'. To the right of the slogan is a stylized illustration of a woman with long, wavy hair, smiling. The main body of the ad features the text 'ROBINSON & CO., LTD.' in large, bold, capital letters, followed by '(Tertubuh di Singapura)' and 'Raffles Place, Singapore.' To the right of this, the price 'Harga \$3.00 Sebotol' and the availability 'Boleh didapati daripada:' are listed.

daripada tegahan agama yang kuat.

Daripada perkara-perkara yang tersebut ini kita berharap akan mendapat perhatian bukannya sahaja oleh orang-orang di Kelantan tetapi juga oleh orang-orang yang di luar daripada Kelantan terutamanya oleh jabatan-jabatan agama di lain-lain daerah di dalam mana patut menjadi perhatian bahawa tatkala melantik, atau mempersetujui sesuatu lantikan atas seseorang itu hendaklah memilih orang-orang yang ahli daripadanya terutamanya tatkala menyerahkan kekuasaan-kekuasaan pertubuhan itu kepada mereka cara-cara lama seperti melantik seseorang kerana ia berpengetahuan tinggi cara barat tetapi tidak cenderung kepada agama itu pun menjadi suatu mudarat sebab ia akan menjadi pengerosak kepada kehendak-kehendak dan pengajaran-pengajaran agama.

Adat-adat mengemukakan seseorang tersebut kerana wangnya, tersebut kerana serbannya atau gelarannya seperti Sheikh, cik kadi, Sheikh Al-Islam, mufti dan sebagainya itu kalau ia didapati mempunyai fikiran-fikiran yang waras dan tidak mengetahui cara pentadbiran yang dikehendaki oleh pengajaran-pengajaran Islam

bagi masa yang akan datang adalah yang demikian itu semata-mata merugikan dan membawa bencana kepada kesejahteraan orang-orang Islam dan anak-anak kita kemudian hari.

Kita telah melihat dengan nyata bahawa mereka ini, dengan sebab-sebab yang sangat sedikit telah luntur pendirianya - tidak berani mengatakan yang benar bahkan kerap kali mereka ini telah dijadikan perkakas untuk menjatuhkan maruah dan taraf Islam bahkan mereka ini, untuk maslahat mereka selalu tergamak menghidup-hidupkan khurafat sehingga telah bermaharajalela di dalam negeri kita ini orang-orang awam menjadikan khurafat - khurafat itu sebagai itulah dia pengajaran Islam yang sebenar. Mudah-mudahan perkara ini akan diinsafi dan penyakit yang dua ini akan hancur dari tanah kita ini iaitu penyakit yang dilancarkan oleh orang-orang yang mencampurkan dirinya di dalam pertubuhan-pertubuhan agama tetapi jahil dan tidak ada kecenderungannya di dalam agama dan penyakit yang kedua itu daripada alam ulama sendiri yang mengutamakan maslahat-maslahatnya daripada maslahat-maslahat dan kehendak-kehendak agama yang sebenar adanya.